

Negara Islam: PM minta masyarakat Cina jangan bimbang

UMP 11 NOV 2001

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat Cina tidak perlu merasa bimbang dengan perisytiharan negara ini sebagai sebuah negara Islam.

Perdana Menteri berkata, ini kerana perisytiharan tersebut tidak menjejaskan hak serta kebebasan beragama yang dinikmati oleh kaum tersebut sekarang.

Katanya, pengumuman tersebut dibuat disebabkan parti Pas terus mengatakan kononnya perjuangan mereka adalah untuk menegakkan sebuah negara Islam sedangkan Malaysia sudah pun menjadi sebuah negara Islam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tegas beliau, kerajaan membuat pengumuman itu kerana tidak mahu golongan bukan Islam tertipu dengan dakwah Pas yang sehingga kini masih lagi

gagal mengemukakan ciri-ciri negara Islam yang mereka perjuangkan.

“Saya harap masyarakat Cina tidak bimbang dengan kenyataan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

“Negara Islam bukanlah bermakna tidak ada tempat, peranan, didiskriminasi atau akan dikenakan tindakan kerana anda bukan Islam,” katanya sewaktu berucap pada majlis makan malam Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM).

Perdana Menteri menambah, walaupun Malaysia berstatus negara Islam namun kerajaan tidak pernah menafikan peranan kaum lain dan kaum Cina juga turut dilibatkan dalam pentadbiran negara sejak merdeka lagi.

Dr. Mahathir berkata, masyarakat Cina tidak wajar percaya

dengan cerita-cerita yang disebarkan oleh pihak tertentu yang mahu memburuk-burukkan soal negara Islam demi kepentingan politik mereka.

Ini kerana isu itu jelas, tidak melibatkan pindaan perlembagaan serta tidak banyak berbeza dengan keadaan sedia ada.

Dr. Mahathir memberitahu, kaum Cina turut diberi kebebasan untuk menganggap Malaysia sebagai sebuah negara sekular.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir percaya parti pembangkang berhasrat untuk menubuhkan negara Islam ala pemerintahan kerajaan Taliban.

Katanya, pembangkang takut untuk mengatakan ciri-ciri negara Islam mereka sama seperti Taliban kerana sedar jika perkara itu diketahui oleh masyarakat bukan Islam sudah tentu mereka tidak akan mendapat sokongan.